

26 MAY 2002
Mahathir-Siasatan
SIASATAN TIDAK KIRA KEDUDUKAN, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kes pecah amanah membabitkan individu atau organisasi tertentu disiasat tanpa mengira kedudukan mereka yang disyaki.

Perdana Menteri berkata apa yang berlaku ialah jika siasatan membabitkan orang yang rapat dengan kerajaan, tanggapan orang ramai ialah mereka yang sepatutnya dihukum itu biasanya akan terlepas.

"Ini pendapat tidak sihat, kita tengok berapa kali Karpal Singh didakwa pun terlepas juga. Kalau siapa dekat dengan kerajaan, dia itu pun jadi mangsa, kenapa begitu bias (berpandangan berat sebelah) sekali terhadap kerajaan?" katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Fazilah bin Lazim, seorang daripada pegawai pengiring beliau di sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar yang memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, mengkritik pihak berkuasa kerana bersikap "hangat-hangat tahi ayam" ketika menjalankan siasatan kes-kes pecah amanah yang membabitkan individu atau organisasi tertentu.

Rais dilaporkan berkata terdapat beberapa kes yang "panas" ketika di awal siasatan akhirnya senyap begitu sahaja walaupun terdapat bukti berlakunya penyelewengan, dan fenomena ini seolah-olah menjadi satu trend dalam siasatan pecah amanah di negara ini sejak kebelakangan ini.

Dr Mahathir berkata sekiranya mereka yang didapati melakukan kesalahan, mereka tetap akan dihukum tanpa mengira kedudukan mereka.

"Kalau dia buat salah, dia buat salahlah. Kita orang kerajaan, kalau buat salah, kita biasa terima hukuman, hukuman mati pun ada juga," katanya.

Beliau berkata bahawa proses siasatan tidaklah sebegitu mudah seperti yang difikirkan berbanding dengan mereka yang membuat sesuatu tuduhan.

"Nak tuduh memang mudah. Dalam akhbar boleh tuduh, lagi bebas...buat aniaya orang tak apa, buat malu orang tak apa, bila didapati tidak bersalah, dia tentu rapat dengan kerajaan," katanya sambil menyifatkan ini sebagai tidak adil.

Ditanya kenapa Dr Rais tidak membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat jemaah menteri, beliau berkata : "Saya tak tahu, dia pun tak cakap dengan saya".

-- BERNAMA
AT AKT MAI